



UNIVERSITI  
MALAYA

# BUKU PANDUAN & PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

---

UNIVERSITI MALAYA  
SESI 2022/2023



# ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1	Pengenalan	1
2	Maklumat Umum	3
3	• Jabatan Hal Ehwal Pelajar	4
4	• Bahagian Pengurusan Kolej Kediaman	6
5	• Tadbir Urus Kolej Kediaman	10
6	Peraturan Kolej Kediaman	13
7	• Peraturan Umum	15
8	• Peraturan Penggunaan Peralatan Elektrik	22
9	• Peraturan Kenderaan	24
10	• Peraturan Pakaian	27
11	• Lain-lain Kesalahan / Denda	30
12	Maklumat Asas Penginapan	33
13	Kemudahan / Fasiliti - Fasiliti di Universiti	43
14	Jadual Bas <i>Shuttle</i>	49
15	Senarai Fakulti	54
16	Kalender Akademik	56
17	Talian Hotline Kecemasan	64



# Pengenalan

Buku Panduan dan Peraturan Kolej Kediaman Universiti Malaya ini digubal khusus kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mendiami kolej-kolej kediaman di Universiti Malaya bagi memastikan setiap penghuni memahami tatacara dan peraturan di kolej kediaman.

Kandungan buku ini adalah untuk menerangkan dengan lebih jelas berkenaan peraturan am, kaedah tatatertib pelajar di asrama dan panduan khusus di kolej kediaman.



Objektif utama buku ini digubal adalah untuk:

- Sebagai panduan kepada penghuni kolej kediaman dalam aspek kebajikan, keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian warga kolej kediaman.
- Mewujudkan sistem penyelarasan dari segi aspek operasi dan pentadbiran kolej kediaman.
- Memastikan kolej-kolej kediaman di Universiti Malaya ini beroperasi di dalam suasana yang harmoni, selamat dan kondusif.

Semua tatacara dan peraturan yang dinyatakan di dalam buku ini hendaklah dibaca bersama dengan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar) 1999, Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971) dan Peraturan-Peraturan Kolej Kediaman.





# BAHAGIAN A: MAKLUMAT UMUM




# Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)

Bahagian Hal Ehwal Pelajar ditubuhkan pada tahun 1975. Seiring dengan Nomenklatur Entiti dan Jawatan Pentadbiran bagi kluster Akademik, Bukan Akademik dan Penyelidikan Universiti Malaya, bahagian ini dijenamakan semula sebagai Jabatan Hal Ehwal Pelajar bermula 12 Ogos 2022.

Jabatan Hal Ehwal Pelajar merupakan jabatan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTj) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dengan berpegang kepada moto 'Student First', JHEP berperanan penting dalam menjaga kebijikan dan pembangunan pelajar dari sahsiah, kemahiran insaniah dan sebagai pembimbing dalam melahirkan mahasiswa yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Di dalam konteks meningkatkan kualiti kehidupan pelajar di dalam kampus, kolej kediaman menjadi tonggak utama dalam melahirkan mahasiswa yang holistik.



**Carta organisasi PTj TNC (HEP)**



# Bahagian Pengurusan Kolej Kediaman

Kolej Kediaman (KK) merupakan kemudahan fasiliti penginapan di bawah tadbir urus Jabatan Hal Ehwal Pelajar ( JHEP ).

## Fasiliti penginapan ini meliputi:

Kolej Kediaman Pertama (Tuanku Abdul Rahman)

Kolej Kediaman Ketujuh (Za'bə)

Kolej Kediaman Kedua (Tuanku Bahiyah)

Kolej Kediaman Kelapan (Kinabalu)

Kolej Kediaman Ketiga (Tuanku Kurshiah)

Kolej Kediaman Kesembilan (Tun Syed Zahiruddin)

Kolej Kediaman Keempat (Bestari)

Kolej Kediaman Kesepuluh (Tun Ahmad Zaidi)

Kolej Kediaman Kelima (Dayasari)

Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz)

Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina)

Kolej Kediaman Kedua Belas (Raja Dr. Nazrin Shah)

Kolej Kediaman Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC), PJ

Kolej Kediaman Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC), Bachok

Rumah Antarabangsa / *International House* (IH)

Apartment Jepun (AJ)



Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz) merupakan kolej yang menempatkan pelajar Asasi Sains (PASUM), Asasi Pengajian Islam dan Sains (APIDS). Manakala Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina) adalah kolej yang menempatkan pelajar Sarjana Muda Klinikal daripada Fakulti Perubatan, Pergigian, dan Farmasi.

Kolej Kediaman Kolej Kediaman Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC), PJ di Seksyen 17 menempatkan sepenuhnya pelajar Diploma Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCED).

Kolej Kediaman Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC), Bachok pula menempatkan pelajar Asasi Pengajian Islam dan Program Khas Bahasa Arab daripada Akademi Pengajian Islam.

Rumah Antarabangsa / International House (IH) terletak di Seksyen 17, Petaling Jaya merupakan penginapan khusus bagi pelajar antarabangsa. Penempatan di IH adalah rumah kediaman 2 bilik yang lengkap dengan ruang tamu serta kemudahan seperti peti sejuk, dapur memasak, dan penghawa dingin.

Apartment Jepun (AJ) merupakan penginapan alternatif bagi pelajar yang ingin menyewa penginapan di luar kampus. Lokasi penginapan ini terletak di Seksyen 16, Petaling Jaya. Penempatan di AJ adalah rumah kediaman 2 atau 3 bilik dan dikhurasukan kepada pelajar Ijazah Tinggi.




# Tadbir Urus Kolej Kediaman

Secara umumnya Kolej Kediaman (KK) di Universiti Malaya diketuai oleh seorang Pengurus mengikut zon. Hanya Kolej Kediaman Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC) Petaling Jaya dan Kolej Kediaman Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC) Bachok diketuai oleh Pengetua. Senarai Kolej Kediaman mengikut zon / bahagian adalah seperti berikut:

Zon	Kolej Kediaman
Zon 1	<ul style="list-style-type: none"><li>Kolej Kediaman Pertama (Tuanku Abdul Rahman)</li><li>Kolej Kediaman Kedua (Tuanku Bahiyah)</li><li>Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina)</li></ul>
Zon 2	<ul style="list-style-type: none"><li>Kolej Kediaman Ketiga (Tuanku Kurshiah)</li><li>Kolej Kediaman Keempat (Bestari)</li><li>Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba)</li></ul>
Zon 3	<ul style="list-style-type: none"><li>Kolej Kediaman Kelima (Dayasari)</li><li>Kolej Kediaman Kelapan (Kinabalu)</li><li>Kolej Kediaman Kesepuluh (Tun Ahmad Zaidi)</li></ul>
Zon 4	<ul style="list-style-type: none"><li>Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz)</li><li>Kolej Kediaman Kedua Belas (Raja Dr. Nazrin Shah)</li></ul>
Zon 5	<ul style="list-style-type: none"><li>Kolej Kediaman Kesembilan (Tun Syed Zahiruddin)</li><li>Rumah Antarabangsa / International House (IH)</li><li>Apartment Jepun (AJ)</li></ul>
Petaling Jaya, Selangor	<ul style="list-style-type: none"><li>Kolej Kediaman Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC)</li></ul>
Bachok, Kelantan	<ul style="list-style-type: none"><li>Kolej Kediaman Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC)</li></ul>

Pengurus / Pengetua Kolej Kediaman akan dibantu oleh Penolong Pengurus Asrama di setiap kolej. Struktur tadbir urus Kolej Kediaman adalah seperti berikut:



## Pengurus / Pengetua Kolej Kediaman

Pengurus Kolej Kediaman (PKK) merupakan ketua bagi setiap kolej kediaman mengikut zon kawasan yang ditetapkan. PKK juga berperanan dalam mengetuai operasi dan pentadbiran setiap kolej. Selain itu, PKK turut menjaga dan memastikan segala kebajikan, keselamatan kesejahteraan penghuni kolej berada di dalam keadaan baik dan cemerlang serta menjalankan *duty of care* 24 jam di kolej kediaman.

## Penolong Pengurus Asrama

Penolong Pengurus Asrama (ADM) merupakan staf operasi di setiap kolej kediaman yang berperanan sebagai pembantu kepada PKK dalam mengendalikan operasi dan pentadbiran di setiap kolej kediaman. ADM juga berperanan membantu menjaga dan memastikan segala kebajikan, keselamatan kesejahteraan penghuni kolej berada di dalam keadaan baik dan cemerlang serta menjalankan *duty of care* 24 jam di kolej kediaman.

## Felo Kolej Kediaman

Felo Kolej Kediaman dilantik di kalangan Pegawai / Penolong Pegawai yang sedang berkhidmat. Felo berperanan untuk membantu pihak kolej dalam menjaga dan memastikan segala kebajikan, keselamatan kesejahteraan penghuni kolej berada di dalam keadaan baik dan cemerlang serta menjalankan *duty of care* 24 jam di kolej kediaman. Mereka juga berperanan sebagai pembimbing kepada penghuni kolej bagi pelaksanaan aktiviti di kolej kediaman.

## Pembantu Pengurus Kolej Kediaman

Pembantu Pengurus merupakan calon program Sarjana / Doktor Falsafah (PhD) yang membantu pihak kolej dalam membantu menjaga dan memastikan segala kebajikan, keselamatan kesejahteraan penghuni kolej berada di dalam keadaan baik dan cemerlang serta menjalankan *duty of care* 24 jam di kolej kediaman. Mereka juga berperanan sebagai pembimbing kepada penghuni kolej bagi pelaksanaan aktiviti di kolej kediaman.



## BAHAGIAN B: PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

Tujuan Peraturan Kolej Kediaman ini disediakan adalah untuk menyelaraskan makluman kepada semua penghuni / pelajar supaya memahami peraturan kolej kediaman dengan jelas dan efisien agar ancaman keselamatan dan kesihatan dapat dipelihara. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan satu suasana harmoni bagi semua penghuni / pelajar yang peka dengan persekitaran, berdisiplin, bertanggungjawab dan saling bekerjasama mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.

Semua penghuni / pelajar yang menginap di kolej kediaman Universiti Malaya adalah tertakluk kepada:

- Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971) – Perlembagaan Universiti Malaya
- Akta Universiti & Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan 2012)
- Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar) 1999
- Peraturan -peraturan kolej kediaman

Di dalam **Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar) 1999**, terdapat bahagian peraturan yang memfokuskan kepada Bahagian III Tatatertib Asrama yang menerangkan peraturan-peraturan di asrama.



Kod QR

**Kaedah - Kaedah Universiti Malaya  
(Tatatertib Pelajar) 1999**

Pengurus / Pengetua Kolej Kediaman telah diberi kuasa oleh Naib Canselor untuk menjalankan fungsi dan kewajipan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

# Peraturan Umum : Bahagian 1

Setiap penghuni kolej yang telah berdaftar adalah diwajibkan untuk tinggal/menghuni di kolej kediaman sekurangnya-kurangnya selama satu sesi pengajian kecuali bagi penghuni kolej yang bermasalah. Bayaran penginapan untuk satu sesi penuh akan dikenakan sekiranya penghuni kolej kediaman menamatkan pendaftarannya tanpa kebenaran Pengurus Kolej Kediaman (kecuali bagi penghuni yang telah tamat pengajian).

(1)

Setiap penghuni kolej kediaman adalah bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Universiti dan Kolej Kediaman seperti berikut :

(2)

- (a) Seluruh kawasan Kolej Kediaman adalah zon larangan merokok.
- (b) Memelihara keharmonian dan kemesraan sesama penghuni, kakitangan dan pelawat Kolej Kediaman.
- (c) Menghormati barang-barang kepunyaan rakan sebilik.
- (d) Semua harta benda peribadi milik penghuni khususnya barang bernilai adalah di bawah tanggungjawab penghuni sendiri.
- (e) Pihak Kolej Kediaman tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan ke atas harta peribadi penghuni kolej kediaman.
- (f) Penghuni kolej kediaman adalah dilarang daripada memasak di dalam bilik.
- (g) Penghuni kolej kediaman adalah dilarang berjual beli atau berniaga di dalam kawasan kolej kediaman tanpa kebenaran Pengetua / Pengurus Kolej Kediaman.
- (h) Semua pertukaran bilik penginapan mestilah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengurus / Pengetua Kolej Kediaman



# Peraturan Umum

- |     |   |
|-----|---|
| (i) | Penghuni adalah dilarang membuat bising dalam sebarang aktiviti yang dijalankan yang boleh menimbulkan gangguan atau kemarahan penghuni lain seperti menaikkan suara dengan kuat, membunyikan hon kenderaan berlebihan di dalam kawasan kolej kediaman kecuali di dalam keadaan kecemasan, pada bila-bila masa, termasuklah di kawasan kafteria. Kolej kediaman mestilah sunyi selepas jam 12.00 malam.   |
| (j) | Selepas jam 12.00 malam, semua lampu di bilik penghuni kolej kediaman hendaklah ditutup kecuali jika ada persetujuan bersama di antara penghuni bilik.  |
| (k) | Tidak membenarkan orang luar menginap dan menggunakan sebarang kemudahan di kolej kediaman termasuk di bilik penginapan penghuni sendiri tanpa kebenaran daripada Pengurus / Pengetua Kolej Kediaman.   |
| (l) | Dilarang membenarkan penghuni yang tidak berdaftar, ‘squatting’ tinggal di biliknya. Segala perjumpaan dengan orang luar hanya dibolehkan di lobi kolej kediaman. Tindakan akan diambil terhadap penghuni tidak berdaftar, penghuni bilik dan penghuni yang bersubahat yang membenarkan perkara ini berlaku.  |
| (m) | Tidak menggunakan mana-mana bahagian kampus/bangunan di dalam kampus sebagai tempat tidur kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya dalam kolej kediaman atau universiti.   |
| (n) | Selepas tengah malam, kecuali pelajar-pelajar menetap di dalam asrama mereka masing-masing, tiada pelajar lain boleh berada di dalam premis kolej kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengurus / Pengetua Kolej Kediaman.   |
| (o) | Universiti boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan biliknya di kolej kediaman atau memindahkannya ke tempat tinggal yang lain disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan.   |
| (p) | Dilarang menyimpan atau memelihara binatang hidup, memiliki senjata tajam, memiliki apa-apa artikel atau bahan lucah, berkelakuan tidak senonoh, berjudi atau menganjurkan sebarang aktiviti berunsurkan pertaruhan dan minuman keras, mengedor, menyimpan, memiliki atau mengambil dadah atau menjalankan apa jua kegiatan yang bertentangan dengan tuntutan kesihatan, undang-undang, agama dan negara. |




# Peraturan Umum

(q)	Penghuni kolej kediaman tidak boleh menghalang, mlarang atau cuba menghalang atau melarang mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengetua / Pengurus Kolej Kediaman daripada memasuki bilik penghuni untuk menjalankan tugas memeriksa bilik penginapan penghuni.
(r)	Penghuni kolej kediaman adalah dilarang daripada meludah, membasuh tangan, mencuci gelas atau membuang sisa makanan di tempat mengambil minuman air sejuk dan panas yang disediakan oleh pihak Pengurusan Kolej Kediaman.
(s)	Penghuni kolej kediaman diwajibkan menutup suis lampu, kipas dan peralatan elektrik yang lain apabila meninggalkan bilik. Suis lampu, kipas dan penghawa dingin di bilik-bilik awam juga mesti ditutup jika tidak ada orang lain lagi di dalamnya untuk mengelakkan pembaziran dan kebakaran.
(t)	Dilarang membuat, mempamerkan, melekat atau mengedarkan notis, risalah, poster, pelekat, lambang-lambang atau lain-lain bahan yang menyerupai di mana-mana kawasan kolej tanpa kebenaran Pengurus / Pengetua Kolej Kediaman
(u)	Pada waktu catuan kerana terputus bekalan air atau elektrik, penghuni kolej kediaman dikehendaki untuk menutup paip air dan suis elektrik untuk mengelakkan pembaziran, banjir atau kebakaran.
(v)	Dilarang bermain mercun atau bunga api di dalam kawasan kolej kediaman.
(w)	Dilarang membakar sampah dalam bangunan atau di mana-mana kawasan kolej kediaman.
(x)	Penghuni kolej kediaman adalah dilarang keras daripada melakukan perbuatan yang boleh mencemarkan nama baik kolej kediaman dan Universiti Malaya. Penghuni kolej kediaman dikehendaki menjaga tatasusila, kesejahteraan, keselamatan dan kesopanan sepanjang berada di kolej kediaman.

# Peraturan Umum

(y)	Penghuni kolej kediaman adalah dilarang daripada menyalahgunakan sistem pencegah kebakaran seperti alat pemadam api dan sebagainya.
(z)	Adalah tidak dibenarkan sama sekali penghuni lelaki memasuki blok asrama penghuni perempuan dan sebaliknya kecuali dengan arahan Pengurus / Pengetua Kolej Kediaman bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab tertentu.
(aa)	Penggunaan colok untuk upacara keagamaan dan penggunaan lingkaran ubat nyamuk adalah dilarang di kolej kediaman kerana boleh mengundang kebakaran.
(bb)	Penghuni kolej yang didapati menghidap penyakit yang boleh berjangkit dan telah disahkan oleh pegawai perubatan dikehendaki melaporkan kepada pihak kolej kediaman dan dikehendaki untuk mematuhi segala prosedur dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak kolej dan Universiti.
(cc)	Meletakkan gambar dan nama di luar pintu bilik masing-masing bagi tujuan pengenalan ahli bilik yang berdaftar.
(dd)	Patuh kepada arahan kecemasan sekiranya berlaku kebakaran. Pihak kolej kediaman tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kecederaan yang berlaku disebabkan kelalaian penghuni kolej kediaman sendiri





## Peraturan Umum : Bahagian 2


Memelihara serta menjaga kebersihan bilik dan persekitaran kolej kediaman seperti berikut:

- |      |  |
|------|--|
| (1)  | Semua tingkat di blok asrama masing masing, bilik-bilik penghuni kolej kediaman dan bahagian-bahagian lain mestilah dijaga dengan baik supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat pada setiap masa.   |
| (2)  | Tilam dan bantal hendaklah sentiasa dilengkapi dengan kain cadar dan sarung bantal yang bersih.  |
| (3)  | Kain langsir dan tingkap bilik (dibekalkan secukupnya melainkan dilaporkan) hendaklah dipastikan sentiasa bersih dan tidak kotor atau berdebu.   |
| (4)  | Dilarang memaku, menconteng, menampal atau mengantung kertas, gambar dan sebagainya dengan menggunakan pelekat gam yang melekat kuat di dinding atau bahagian-bahagian sehingga boleh merosakkan atau mencacatkan cat dinding. Gambar dan sebagainya boleh dilekatkan pada papan notis yang disediakan di bilik masing-masing. |
| (5)  | Pakaian tidak dibenarkan, digantung, disidai, dijemur dalam bilik, koridor dan tangga. Penghuni dikehendaki menjemur pakaian basah di tempat ampaian yang disediakan.  |
| (6)  | Dilarang membuang sampah di merata-rata tempat. Penghuni hendaklah membuang sampah di tempat yang disediakan.  |
| (7)  | Tidak membiarkan helaian rambut yang dipotong bertaburan di merata-rata tempat. Kumpul dan buangkan di tempat yang disediakan.   |
| (8)  | Dilarang membuang atau mencampakkan sampah sarap di merata tempat atau melontar apa-apa objek melalui tingkap bilik.   |
| (9)  | Tidak membuang tuala wanita di dalam bilik atau di dalam tandas. Pelajar juga dilarang untuk membuang sisa makanan dan sampah di dalam tong sanitari.  |
| (10) | Kasut atau selipar hendaklah disimpan atau disusun di rak kasut yang disediakan.   |

## Peraturan Umum : Bahagian 3

Memastikan keselamatan kunci bilik dan kad elektronik seperti berikut:

(1)	Tidak meninggalkan kunci bilik dan kad elektronik di bilik atau di pintu balik.
(2)	Kunci dan kad elektronik bilik hendaklah sentiasa dibawa bersama-sama.
(3)	Penghuni dikehendaki melaporkan dengan segera sekiranya kunci atau kad elektronik hilang atau rosak.
(4)	Penghuni tidak dibenarkan membuat salinan pendua kunci bilik masing-masing.
(5)	Penghuni kolej dikehendaki sentiasa mengunci pintu bilik pada setiap masa sebelum meninggalkan bilik masing-masing. Pihak Pengurusan Kolej Kediaman tidak akan bertanggungjawab terhadap barang-barang peribadi milik penghuni kolej kediaman. Sekiranya berlaku kehilangan barang, mohon untuk buat laporan segera ke Pejabat Pentadbiran Kolej Kediaman untuk tindakan selanjutnya.



## Peraturan Umum : Bahagian 4

Menjaga harta benda yang disediakan di kolej kediaman seperti berikut :

- (1) Dilarang melakukan perbuatan khianat, menipu, mencuri, menceroboh atau merosakkan kemudahan-kemudahan kolej kediaman atau kemudahan awam serta harta benda yang disediakan oleh Kolej Kediaman atau Universiti.
- (2) Setiap kerosakan atau kekurangan harta benda yang berlaku di tingkat atau bilik hendaklah diadukan melalui sistem UM Helpdesk.
- (3) Dilarang memindahkan atau mengeluarkan apa-apa peralatan seperti tilam, kerusi, meja dan peralatan hak milik kolej kediaman tanpa kebenaran Pengurusan Kolej Kediaman.
- (4) Bertanggungjawab untuk menjaga semua kelengkapan atau kemudahan yang disediakan seperti tandas, seterika dan mesin air panas dan memastikannya dalam keadaan selamat untuk digunakan di tingkat masing-masing.

### Pemeriksaan Mengejut (*Spotcheck*)



Pengurusan Kolej Kediaman berhak melakukan pemeriksaan mengejut ke bilik-bilik penghuni. Barang-barang larangan akan **dirampas** jika dijumpai dan penghuni berkenaan boleh dikenakan tatatertib. Penghuni boleh menuntut barang rampasan di akhir sesi. Peralatan tersebut akan menjadi hak milik kolej kediaman sekiranya tidak dituntut dalam tempoh **sebulan selepas tarikh akhir sesi pengajian**.



# Peraturan Penggunaan Peralatan Elektrik : Bahagian 5

(1)

Penghuni kolej kediaman haruslah mendaftar peralatan elektrik yang dibawa di pejabat kolej kediaman masing-masing. Terdapat beberapa peralatan elektrik yang dibenarkan dan dilarang dibawa ke kolej kediaman.

(a)

Senarai pendaftaran peralatan elektrik adalah seperti berikut :

Bil	Jenis Peralatan	Caj Pendaftaran Peralatan	Denda
(i)	Komputer / Laptop / Tablet	RM20.00	RM40.00
(ii)	Mesin Pencetak (Printer)	RM20.00	RM40.00
(iii)	Pengering Rambut	RM10.00	RM20.00
(iv)	Kipas (maksimum 2 unit setiap bilik)	RM50.00 / unit	RM100.00
(v)	Pengecas Telefon Bimbit	Tiada caj	Tiada caj
(vi)	Lampu Meja	Tiada caj	Tiada caj



(b)

Berikut merupakan barang larangan untuk dibawa ke kolej kediaman.

Tindakan rampasan barang akan dikenakan terhadap pelajar sekiranya peraturan ini dilanggar.

Bil	Jenis Peralatan	Caj Pendaftaran Peralatan	Denda
(i)	Seterika	Tidak dibenarkan	Dirampas
(ii)	Cerek / Pemanas Air	Tidak dibenarkan	Dirampas
(iii)	Peti ais	Tidak dibenarkan	Dirampas
(iv)	Televisyen	Tidak dibenarkan	Dirampas
(v)	Periuk nasi / peralatan memasak	Tidak dibenarkan	Dirampas
(vi)	Ketuhar gelombang mikro	Tidak dibenarkan	Dirampas
(vii)	Lain-lain barang elektrik yang tidak disenaraikan	Tidak dibenarkan	Dirampas

## Peraturan Kenderaan : Bahagian 6



- (1) Pelajar tahun **pertama** tidak dibenarkan membawa kenderaan kecuali **basikal**



- (2) **Motosikal** dibenarkan bagi pelajar **tahun kedua** dan ke atas



- (3) Kereta pula dibenarkan bagi pelajar **tahun ketiga** dan ke atas.



Bagi pelajar yang dibenarkan membawa kenderaan, perlulah mematuhi peraturan dengan mendaftarkan kenderaan dan mendapatkan **pelekat kebenaran** membawa kenderaan di **Pejabat Keselamatan Universiti Malaya**

(4)

(5)

Pelajar yang layak membawa kenderaan ini juga perlu mendaftarkan kenderaan mereka di **pejabat kolej** dan mendapatkan pas membawa kenderaan di kolej kediaman.




Penghuni kolej kediaman sama sekali dilarang memasuki kawasan atau meletakkan kenderaan secara menghalang atau di tempat yang tidak dibenarkan.

(6)

(7)

Sekiranya pelajar didapati melanggar peraturan ini, caj denda dan kunci tayar akan dikenakan kepada kenderaan pelajar tersebut.







50

(8)

Penghuni kolej kediaman tidak dibenarkan memandu kenderaan di kawasan kolej kediaman dalam **keadaan bahaya, membuat bising** dan pada **kelajuan yang lebih daripada yang dihadkan**.




(9)

Penghuni kolej kediaman yang meletakkan kenderaan di mana-mana kawasan kolej adalah dikehendaki **mengunci kenderaan** masing-masing.

(10)

Pihak Pengurusan Kolej Kediaman tidak akan bertanggungjawab atas segala kehilangan atau kerosakan akibat kecuaian, perbuatan khianat atau bencana alam yang berlaku ke atas kenderaan penghuni.



# Peraturan Pakaian : Bahagian 7

(1)

Semua pelajar hendaklah mematuhi Kod Etika Pakaian Universiti Malaya dan peraturan ini dibuat dengan peruntukan Kaedah 26, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999:

(a)

Setiap pelajar diwajibkan memakai kad matriks semasa menghadiri/berada di seluruh Pejabat Pentadbiran Universiti termasuk dewan kuliah, dewan peperiksaan, bilik seminar, perpustakaan atau majlis rasmi.

(b)

Semua pelajar dikehendaki mematuhi peraturan atau syarat pakaian yang telah ditetapkan khusus untuk tempat tertentu seperti di perpustakaan, makmal, gelanggang sukan, surau, dewan makan, di majlis rasmi universiti dan lain-lain.

(c)

Berpakaian kemas dan sopan. Contohnya, baju kemeja, baju kemeja T, berseluar panjang bagi lelaki dan berbaju kurung, berpakaian menutup aurat bagi pelajar Muslim.

(d)

Bersepatu atau berkasut.




(e)

Pakaian - pakaian yang dilarang adalah seperti berikut :



Berseluar Jeans  
Bercompang-  
camping




Berseluar Ketat




Berseluar Pendek



Baju T Bergambar  
Yang Bertentangan  
Tatasusila



Tanpa Lengan



Baju Jarang dan Ketat



Mendedahkan  
Bahagian Badan



Skirt Pendek



Berselipar



## PERATURAN PAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYA *DRESS CODE FOR STUDENTS OF UNIVERSITY OF MALAYA*

Peraturan ini dibuat dengan peruntukan kaedah 26, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1999. Peraturan ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai tatacara berpakaian dan penampilan diri yang sesuai untuk dipatuhi oleh semua pelajar Universiti Malaya.

These rules are made in accordance with Rule 26, the University of Malaya (Discipline of Students) Rules 1999. The rules aim to provide guidelines on the appropriate dress code and conduct to be observed by all students of the University of Malaya.

### PERATURAN | GENERAL RULES

- (1) Setiap pelajar diwajibkan **MEMAKAI KAD MATEKSI** semasa menghadiri/berada di seluruh Pejabat Pentadbiran Universiti termasuk dewan kuliah, dewan peperiksaan, bilik seminar, perpustakaan atau majlis rasmi.  
Every student is required **TO DISPLAY THEIR MATRIC CARD** when attending or when they are present in the vicinity of the University's Administration Offices including lecture halls, examination halls, seminar rooms, libraries and in any formal ceremony.
- (2) Semua pelajar dikehendaki mematuhi peraturan atau syarat pakaian yang telah ditetapkan khusus untuk tempat tertentu seperti di perpustakaan, makmal, gelanggang sukan, surau, dewan makan, di majlis rasmi universiti dan lain-lain.  
Each students is required to abide by the rules indicated at specific venues such as the library, laboratory, sports arena, prayer room, dining hall, at formal university function and so forth.
- (3) Berpakaian kemas dan sopan, contoh: baju kemeja, baju kemeja T, berseluar panjang bagi lelaki dan berbaju kurung, kebaya labuh atau pakaian etnik masing-masing atau berpakaian menutup aurat bagi pelajar Muslim; dan  
Wear neat and decent attire, for instance: shirt, T-shirts, long pants for male students and baju kurung, kebaya labuh or any ethnic costumes or decent clothing approved for Muslim students, and
- (4) Bersepatu Shoes

### PENGUATKUASAAN | ENFORCEMENT

Semua pegawai Universiti termasuk kakitangan pentadbiran, akademik, keselamatan dan perpustakaan adalah diberi kuasa memberi amaran dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan Universiti Malaya.

All officers of the University including administrative, academic, security and library staff are empowered to issue warning and to bar any student who does not follow the rules.

DIKELUARKAN OLEH: ISSUED BY:  
BAHAGIAN HAL EHWAH PELAJAR STUDENT AFFAIRS DIVISION  
TARIKH DIKELUARKAN: DATE OF ISSUANCE:  
JANUARI 2012 JANUARY 2012





# Lain-Lain Kesalahan / Denda : Bahagian 8

1

Lain - lain kesalahan / denda adalah seperti senarai berikut :

Bil	Jenis Kesalahan	Denda
(a)	Tiada pelekat kenderaan (kereta & motorsikal)	Kunci tayar (clamp) dan denda RM50.00
(b)	Meletak kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan	Kunci tayar (clamp) dan denda RM50.00
(c)	Membiarakan kipas terbuka/lampu terbuka semasa ketiadaan di bilik	RM50.00 setiap penghuni bilik
(d)	Kehilangan kunci bilik	RM50.00
(e)	Kehilangan/kerosakan langsir	RM50.00
(f)	Memindahkan barang/peralatan kolej tanpa kebenaran	RM50.00
(g)	Menjemur pakaian di tempat yang tidak dibenarkan	RM50.00
(h)	Membenarkan orang luar tinggal di bilik tanpa kebenaran	Penghuni yang membawa masuk orang luar akan dipecat dari kolej kediaman
(i)	Merokok di kawasan kolej kediaman	Kali Pertama - RM50.00 Kali Kedua - RM100.00 Kali Ketiga - Dipecat dari kolej kediaman
(j)	Merosakkan harta awam kolej kediaman	Caj mengikut harga peralatan yang dirosakkan dan dipecat dari kolej kediaman
(k)	Bilik berada dalam keadaan tidak kemas dan kotor	RM50.00




# BAHAGIAN C: MAKLUMAT ASAS PENGINAPAN

# Proses Caj Yuran Penginapan

Berikut merupakan kadar yuran penginapan sebagai panduan semua penghuni kolej kediaman (pelajar Sarjana Muda) bagi sesi kemasukan 2018/2019 dan ke atas:

Kolej Kediaman	Kapasiti Bilik Kediaman	Kadar Yuran / Hari
KK1 - KK12	Bilik Seorang	RM20.00
	Bilik Berdua	RM7.50
	Bilik Bertiga	RM7.00
	Bilik Berempat dan ke atas	RM6.50



Yuran penginapan bagi Semester 1, sesi 2022/2023 akan dicaj berdasarkan minggu kuliah, minggu ulangkaji dan minggu peperiksaan yang ditetapkan di dalam kalender akademik seperti berikut:

<b>Program Pengajaran</b>	<b>Tempoh Kiraan Yuran Penginapan</b>
Semua program selain Pergigian dan Perubatan	17 minggu
Pergigian (Tahun 1 dan 2)	18 minggu
Pergigian (Tahun 3, 4 dan 5)	18 minggu
Perubatan (Peringkat 1)	21 minggu (bermula tarikh 16.10.2022 - 25.03.2023)
Perubatan (Peringkat 2)	23 minggu (bermula tarikh 09.10.2022 - 01.04.2023)
Perubatan (Peringkat 3.1)	21 minggu (bermula tarikh 16.10.2022 - 25.03.2023)
Perubatan (Peringkat 3.2)	24 minggu (bermula tarikh 11.09.2022 - 11.03.2023)
Perubatan (Peringkat 3.3)	25 minggu (bermula tarikh 25.12.2022 - 01.07.2023)

## Waktu Operasi Pejabat Kolej Kediaman

Pejabat Kolej Kediaman beroperasi seperti berikut:

**Isnin hingga Jumaat - 8.00 pagi hingga 5.00 petang**

**Sabtu, Ahad dan Cuti Umum - Tidak beroperasi**



## Pegawai Bertugas

Bagi memastikan kebijakan, keselamatan dan kesejahteraan penghuni di kolej kediaman terjaga dan di dalam keadaan yang baik, setiap kolej mempunyai jadual mingguan pegawai bertugas (officer on duty). Pegawai-pegawai ini merupakan pengurusan kolej kediaman dan bertanggungjawab menjalankan *duty of care*.




# Jawatankuasa Tindakan Kolej

Jawatankuasa Tindakan Kolej (JTK) merupakan jawatankuasa di peringkat pelajar yang ditubuhkan di setiap kolej kediaman. JTK juga merupakan badan perantara di antara pelajar kolej dan pengurusan kolej kediaman. JTK juga berperanan merancang dan mengendalikan kegiatan atau aktiviti di kolej kediaman.

Struktur organisasi JTK boleh dilihat di muka sebelah:




# Struktur Organisasi JTK



# Pengurusan Kebajikan, Keselamatan dan Kesejahteraan Penghuni

Semua penghuni boleh terus menghubungi pegawai bertugas bagi kes-kes kecemasan, keselamatan dan kesejahteraan penghuni.

Manakala bagi kes-kes kebajikan, pelajar boleh terus menghubungi Pengurusan Kolej Kediaman masing-masing atau boleh terus menghubungi Seksyen Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) di emel : [srw\\_hep@um.edu.my](mailto:srw_hep@um.edu.my), atau di talian **03-79677750**.



# Maklumat Kolej Kediaman


Imbas kod QR dibawah untuk mendapatkan maklumat lanjut:




Kolej Kediaman Pertama (ASTAR)



Kolej Kediaman Kedua (Tuanku Bahiyah)



Kolej Kediaman Ketiga (Tunku Kurshiah)



Kolej Kediaman Keempat (Bestari)

Imbas kod QR dibawah untuk mendapatkan maklumat lanjut:



Kolej Kediaman Kelima (Dayasari)



Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina)



Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba)



Kolej Kediaman Kelapan (Kinabalu))


Imbas kod QR dibawah untuk mendapatkan maklumat lanjut



Kolej Kediaman Kesembilan  
(Tun Syed Zahiruddin)



Kolej Kediaman Kesepuluh  
(Tun Ahmad Zaidi)




Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz)



Kolej Kediaman Keduabelas  
(Raja Dr. Nazrin Shah))

# UM Helpdesk





# Kemudahan / Fasiliti-Fasiliti di Universiti

## Rekreasi



UM Arena



Kolam Renang



Kayak



Gimnasium Terbuka




## Rekreasi



**Padang Varsiti**



**Gelanggang Sukan**



**Tasik Varsiti**



**Rimba Ilmu**

## Kompleks Perdana Siswa



Cafe



Kedai Buku



## Kompleks Perdana Siswa



Kedai Fotostat



Student Mall



## Bank



Bank Islam - di Bangunan  
High Impact Research



